



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2007

PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N17, N22, N32

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan syarat lantikan dan syarat kenaikan pangkat skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, N22, N32 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya syarat lantikan dan syarat kenaikan pangkat skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, N22, N32 yang sedang berkuat kuasa diubah. Ini berikutan perubahan persekitaran yang memerlukan syarat lantikan dan syarat kenaikan pangkat skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dikemas kini sejajar dengan keperluan semasa dan perubahan kurikulum pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi dan politeknik tempatan.

**SYARAT BARU SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR
(KESETIAUSAHAAN)**

3. Syarat baru skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, N22, N32 adalah seperti berikut:

(a) syarat lantikan ke Gred N17 ialah:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota rintas (*note taking*) dengan kederasan 20 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas atau nota rintas itu sederas 15 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T2); atau

- (ii) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada gred N17: P1T9).

dan (iii) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(b) syarat kenaikan pangkat ke Gred N32

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 yang kosong apabila telah:

- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (ii) berkebolehan mengambil trengkas Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris dengan kederasan 80 p.s.m. dan menaip salinan trengkas itu dengan kederasan 25 p.s.m. dengan membuat kesilapan tidak melebihi 4%;
- (iii) melepasi semua Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan; dan
- (iv) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

4. Skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang baru adalah seperti di **Lampiran A** dan format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

5. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, N22, N32 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2007.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dibatalkan dan diganti dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

Semua pelantikan mulai 1 Julai 2007 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

27 Jun 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2007

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred N17	:	P1T1 RM820.38	-	P1T24 RM2151.35
		P2T1 RM871.81	-	P2T24 RM2272.50
		P3T1 RM924.75	-	P3T24 RM2397.95
Gred N22	:	P1T1 RM1915.43	-	P1T12 RM2838.04
		P2T1 RM2057.61	-	P2T12 RM3134.53
Gred N32	:	P1T1 RM2413.04	-	P1T13 RM3592.76
		P2T1 RM2623.28	-	P2T13 RM3911.96

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota rintas (*note taking*) dengan kederasan 20 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas atau nota rintas itu sederhana 15 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred N17: P1T2).

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer); atau

- (ii) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9).

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N22**

10. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N32**

11. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) berkebolehan mengambil trengkas Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris dengan kederasan 80 p.s.m. dan menaip salinan trengkas itu dengan kederasan 25 p.s.m. dengan membuat kesilapan tidak melebihi 4%;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
TADBIR**

12. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong apabila telah:-

- (a) hadir dengan jayanya kursus yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kakitangan dan kewangan serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dan
- (b) memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI TADBIR**

13. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N32 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong apabila telah:-

- (a) hadir dengan jayanya kursus yang berkaitan dengan pengurusan pejabat, kakitangan dan kewangan serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dan
- (b) memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002. [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)]

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)
(b) Kementerian/ Jabatan : -
(c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred N17	:	P1T1 RM820.38	-	P1T24 RM2151.35
		P2T1 RM871.81	-	P2T24 RM2272.50
		P3T1 RM924.75	-	P3T24 RM2397.95
Gred N22	:	P1T1 RM1915.43	-	P1T12 RM2838.04
		P2T1 RM2057.61	-	P2T12 RM3134.53
Gred N32	:	P1T1 RM2413.04	-	P1T13 RM3592.76
		P2T1 RM2623.28	-	P2T13 RM3911.96

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota rintas (*note taking*) dengan kederasan 20 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas atau nota rintas itu sederas 15 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T2).

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer); atau

(ii) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9).
- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. TARAF JAWATAN : Tetap
6. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. FUNGSI BIDANG TUGAS : Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)